

03/03/2000

Rizab negara bukti pengukuhan ekonomi: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Rizab negara yang mencapai tahap RM124.9 billion (AS\$32.9 bilion) sehingga akhir Januari, menunjukkan pengukuhan pemulihan ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, apabila imbalan dagangan negara mencatat lebihan yang mana perolehan eksport melebihi perbelanjaan ke atas import, lebihan itu didepositkan dengan Bank Negara Malaysia (BNM) dan menjadi sebahagian rizab negara.

"Rizab negara kita adalah benar, bukan berasaskan kepada duit hutang. Kita mendapat lebihan dagangan yang besar tahun lalu iaitu RM72.3 bilion. Ini memberi sumbangan kepada peningkatan dalam rizab negara," katanya selepas merasmikan seminar pengurusan Asean anjuran Persekutuan Ekonomi Kansai (Kankeiren), Jepun di sini, hari ini.

Rizab negara sekarang mencukupi untuk membiayai 6.4 bulan jumlah import. Lebihan dagangan tahun lalu adalah yang tertinggi pernah dicatatkan. Berikutan itu, imbalan bayaran bagi akaun semasa negara menyaksikan lebihan RM47.4 bilion tahun lalu.

"Dalam sistem kita, apabila syarikat memperoleh hasil eksport, ia mesti didepositkan dengan Bank Negara, dan bank pusat akan memberi (nilai sama) mata wang tempatan kepada syarikat itu.

"Jika syarikat perlu untuk membeli dari luar negara dan perlu kepada mata wang asing, dia boleh tukar ringgit dengan Bank Negara bagi mendapat mata wang asing," kata Dr Mahathir.

Ditanya apakah beliau bimbang mengenai lebihan dagangan RM4.5 bilion Januari lalu yang berkurangan berbanding lebihan RM8.3 bilion pada Disember 1999, beliau berkata:

"Kita tidak bimbang mengenainya. Ia masih satu lebihan dan ia adalah besar, kadang-kadang ia lebih, ia kurang dan ada masanya berlaku defisit (tetapi) kita tidak bimbang mengenainya."

Lehian dagangan bagi Januari berjumlah RM8.6 bilion, susut berbanding lebihan RM4.5 bilion yang dicatatkan pada Disember tahun lalu.

Mengenai bil import negara yang tinggi, beliau berkata ia menunjukkan peningkatan dalam ekonomi kerana Malaysia mengimport lebih banyak barangan perantaraan bagi menghasilkan produk siap.

Katanya, peningkatan jumlah import itu sebenarnya diterjemahkan dalam peningkatan jumlah eksport.

Jabatan Perangkaan baru-baru ini menyatakan bahawa negara mencatatkan lebihan dagangan 4.5 peratus lebih tinggi bagi Januari tahun ini berjumlah RM4.5 bilion berbanding lebihan sebanyak RM4.3 bilion dalam bulan yang sama tahun lepas.

Ini bermakna bahawa imbalan dagangan Malaysia mengalami lebihan bagi 27 bulan berturut-turut sejak November 1997.

(END)